

**Kerajaan Selangor Sedia Dokumen Dan Pasukan Untuk Campur Tangan Dalam Pengurusan Syabas**  
**Bernama**  
**25 Julai, 2012**

SHAH ALAM, 25 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan dokumen perlu untuk campur tangan dalam pengurusan Syarikat Bekalan Air Sdn Bhd (SYABAS) bagi tujuan memperbaiki apa yang didakwa kelemahan di dalam pengurusan syarikat pengedar air terawat di Lembah Klang itu.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata sebuah pasukan yang mewakili kerajaan negeri bagi tujuan itu juga telah disediakan untuk menyertai SYABAS pada bila-bila masa sahaja.

Bercakap pada sidang media di sini Rabu selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, katanya langkah itu diambil berikutan laporan Jawatankuasa Pemantau Air terhadap operasi SYABAS sejak 18 Julai lepas, mendapati SYABAS gagal memenuhi tanggungjawab untuk membekalkan air terawat yang secukupnya kepada pengguna seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian Penswastan Air 2004.

Jawatankuasa Pemantauan Air itu dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Muhammad Khusrin Munawi dan dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Konsortium ABBAS dan bekas kakitangan Perbadanan Urus Air Selangor.

Abdul Khalid berkata dalam laporan pertama jawatankuasa itu yang diterimanya hari ini mendapati keupayaan pengeluaran semua 34 loji rawatan air di Selangor ialah 4,807 juta liter sehari (JLH) berbanding dengan keupayaan agihan SYABAS 4,371 juta liter sehari iaitu terdapat lebih sebanyak 436 JLH.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683175>



